

# MAJLIS PERASMIAN PENUTUP RMAF FIRE COMMAND EXERCISE SIRI 1/17

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2494-majlis-perasmian-penutup-rmaf-fire-command-exercise-siri-1-17](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2494-majlis-perasmian-penutup-rmaf-fire-command-exercise-siri-1-17)

KUANTAN, 29 Sep 17 - *RMAF Fire Command Exercise Siri 1/17* yang bermula pada 25 Sep 17 telah berakhir dengan jayanya pada hari ini seperti yang dirancang. Eksesais tersebut yang memberi pendedahan kepada semua peserta iaitu Pegawai Bomba terutamanya mengenai *Incident Command System (ICS)* bagi mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan salah satu tugas utama mereka iaitu Perform Incident Commander Function sepetimana yang termaktub di dalam *RMAF Fire Officer Occupational Specification* dengan lebih sistemik dan efisien.

Selain itu, peserta eksesais turut didedahkan cara pengaplikasian *Decision Making Model* serta *Generic Risk Assessment (GRA)* dan *Dynamic Risk Assessment (DRA)* semasa operasi menyelamat dan melawan kebakaran bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan selamat. Majlis penutup eksesais telah disempurnakan oleh Komandan INSPRA, Kol Tuan Iskandar Dzulkarnain bin Tuan Hassan TUDM di Auditorium Sekolah Bomba dan Menyelamat, INSPRA.

